

## **BAB 4**

### **FAEDAH BUKAN DALAM BENTUK WANG** **DALAM TENTERA DARAT**

Tentera Darat Malaysia merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan bertujuan untuk mempertahankan Kedaulatan Negara dari ancaman musuh dari dalam dan luar negara. Di samping memerlukan kelengkapan yang canggih untuk melaksanakan tugas, anggota-anggota tentera sendiri perlu diberi perhatian dalam aspek menyelenggara diri sendiri. Menyelenggara diri sendiri bermaksud anggota tentera perlu diberi faedah-faedah yang menarik dalam meninggikan moral dan motivasi untuk melaksanakan tugas. Angkatan Tentera sejak dahulu lagi terkenal dengan faedah-faedah yang menarik berbanding dengan perkhidmatan kerajaan yang lain. Aspek ini telah berjaya menarik minat golongan muda untuk menceburkan diri dalam bidang ketenteraan, disamping semangat patriotik yang ada pada diri mereka. Field Marshal Slim, Panglima Tentera Darat British yang terkenal dalam peperangan Dunia Ke Dua di Burma telah menekankan aspek semangat kepada anggota-anggotanya. Semangat diperolehi dengan mengadakan faedah-faedah yang menarik kepada anggota tentera dalam memberi khidmat dalam Angkatan Tentera.

Tentera Darat Malaysia sememangnya mempunyai banyak faedah-faedah yang bukan dalam bentuk wang di samping ganjaran yang menarik bagi meningkatkan moral anggota dan juga menarik minat individu menyertainya. Faedah bukan dalam bentuk wang yang diperolehi adalah mencakupi bidang yang luas dan mempunyai kelebihan yang tersendiri. Penentuan faedah bukan dalam bentuk wang yang diamalkan sekarang adalah ditentukan oleh pihak pengurusan tertinggi Tentera Darat Malaysia. Ia adalah kerana pihak pengurusan

tersebut mengetahui apa yang terbaik yang perlu diberikan kepada anggota-anggotanya. Aspek-aspek keseragaman dan kelancaran dalam pemberian faedah merupakan faktor yang amat mustahak kenapa faedah-faedah tersebut ditentukan oleh pihak pengurusan Tertinggi Tentera. Walaubagaimanapun ini tidak bermakna bahawa cadangan-cadangan dari peringkat bawahan tidak diambil kira dalam pemberian faedah tersebut. Cadangan-cadangan dari peringkat bawahan melalui saluran tertentu sememangnya diambil kira dalam memperbaiki faedah yang sedia ada dan juga memperkenalkan faedah baru yang didapati sesuai dengan keadaan sekarang.

Dasar yang digunakan oleh Tentera Darat dalam menentukan gaji, ganjaran dan elaun adalah berdasarkan kepada Sekim Saraan Baru Kakitangan Awam yang telah diluluskan oleh Jawatan Kuasa Kabinet dalam tahun 1992. Walaubagaimanapun dalam aspek gaji, elaun dan faedah, peraturan yang menetapkan tatacara penggunaan berdasarkan kepada dokumen-dokumen yang dibentukkan khas untuk Angkatan Tentera Malaysia. Dokumen-dokumen itu adalah seperti berikut:

- Akta Angkatan Tentera 1972.
- Perintah-Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT).
- Peraturan Cuti, dan Elaun, 1958.
- Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen,Ganjaran,dan Faedah-Faedah Lain) 1982.

#### **4.1 AKTA ANGKATAN TENTERA 1972**

Akta Angkatan Tentera 1972 adalah dokumen tertinggi dalam Angkatan Tentera. Akta ini digubal di bawah Akta 1977 Undang-Undang Malaysia. Ianya adalah satu Akta bagi penubuhan, pentadbiran dan tata tertib Angkatan Tentera Malaysia.

#### **4.2 PERINTAH MAJLIS ANGKATAN TENTERA (PMAT)**

Dasar pemberian faedah dalam Tentera Darat Malaysia (TDM) adalah sebagaimana ditetapkan oleh Sidang Majlis Angkatan Tentera Malaysia. Majlis ini bersidang sebulan sekali atau bila-bila masa yang difikirkan perlu untuk membuat keputusan. Faedah-faedah bukan berbentuk wang yang diamalkan sekarang juga adalah sama seperti mana yang telah diperkenalkan oleh pihak Tentera British sejak pembentukan Tentera Darat tahun 1933. Perkara-perkara yang diperbincangkan dalam persidangan Majlis Angkatan Tentera dan seterusnya diwartakan adalah selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh pihak Perbendaharaan Malaysia.

Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) adalah kuasa yang membolehkan sesuatu faedah itu dilaksanakan oleh semua pasukan dalam Angkatan Tentera Malaysia. Bilangan atau Siri yang tercatat dalam PMAT amat bermakna yang merujuk kepada kali keberapa Majlis Angkatan Tentera bersidang pada tahun-tahun tertentu.

#### **4.3 PERATURAN CUTI DAN ELAUN, 1958**

Peraturan ini adalah menggariskan semua jenis cuti dan elaun yang layak diterima oleh semua pegawai dan anggota tentera. Peraturan ini juga sering dipinda bagi menyesuaikan kepada keperluan semasa.

#### **4.4 PERATURAN-PERATURAN ANGKATAN TETAP (PENCEN, GANJARAN DAN FAEDAH-FAEDAH LAIN) 1982**

Penentuan pembayaran faedah persaraan bagi semua pegawai dan anggota Tentera Darat adalah berpandukan peraturan ini. Peraturan ini juga sentiasa dipinda bagi menyesuaikan keperluan semasa.

#### **4.5 JENIS-JENIS FAEDAH BUKAN DALAM BENTUK WANG**

Jenis-jenis faedah bukan dalam bentuk wang dalam Tentera Darat Malaysia boleh dikategorikan dalam aspek berkaitan persaraan, insuran, bayaran masa tidak bekerja dan lain-lain faedah. Faedah-faedah yang dimaksudkan dalam kategori tersebut adalah seperti di Rajah 8.

#### **4.6 Faedah Yang Berkaitan Persaraan.**

Dalam usaha menjamin masa depan anggota tentera terutama masa tua, faedah persaraan amatlah mustahak sekali. Tentera Darat Malaysia sebagaimana agensi-agensi kerajaan yang lain mempunyai sekim persaraan yang mempunyai matlamat yang sama.

Rajah 8

**Faedah-Faedah Bukan Dalam Bentuk Wang Tentera Darat Malaysia**

Persaraan	Berkaitan Insuran
Faedah-Faedah Persaraan dan Kematian	Insuran Kelompok
Bayaran Cuti Rehat	Derma Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan
Lembaga Tabung Angkatan Tentera	Negara
Latihan Peralihan	Rawatan Perubatan
	Bayaran Pengkebumian

Bayaran Masa Tidak Berkerja		
Cuti Tahunan	Cuti Sakit	Cuti Hujung Minggu
Cuti Tamat Tauliah/Rekrut	Cuti Mengerjakan Haji	Cuti Bersalin
Cuti Tamat Perkhidmatan	Cuti Kebajikan	Cuti Isteri Bersalin
Cuti Bertugas Luar Negara	Cuti Am	Cuti Tanpa Gaji
Cuti Sambung Perkhidmatan		

Lain-Lain Faedah		
Penginapan	Kemudahan Wisma dan Kelab	Kemudahan PERNAMA
Makanan	Kereta Turus	Penganugerahan Pingat
Pakaian	Pembantu Khas	Menyandang Jawatan
Perjalanan Percuma dan	Perkhidmatan Dobi/Jahitan/	Mustahak
Konsesi	Kasut	Pemakaian Lencana
Skim Pengajian Tinggi	Kelab Rekreasi	Tempat Kerja Yang Selesa
Pinjaman Perumahan/	Bas Sekolah	Aktiviti Keagamaan
Kenderaan/	Gunting Rambut	BAKAT
Komputer	TADIKA	Sukan
Pinjaman Koperasi Tentera	Kantin	

Dasar yang menggariskan peraturan penceh dan saguhati dan ganjaran adalah mengikut Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Penceh, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982.

4.6.1 Faedah-Faedah Persaraan dan Kematian. Faedah persaraan dibayar ke atas persaraan seseorang anggota tentera samada melalui tamatnya perkhidmatan ataupun kematian anggota tersebut. Faedah-faedah persaraan dan kematian dibahagikan kepada tiga bahagian:

- (i) Faedah Persaraan (Penceh dan Gratuiti). Pegawai mendapat faedah persaraan apabila mencapai umur persaraan paksaan atau pilihan dan mempunyai perkhidmatan tidak kurang daripada 10 tahun. Persaraan awal merujuk kepada perkhidmatan yang tidak kurang dari 20 tahun. Persaraan juga boleh diambil atas alasan perubatan. Bagi anggota lain-lain pangkat pula kelayakannya adalah perkhidmatan yang tidak kurang dari 21 tahun dan persaraan atas alasan perubatan.
- (ii) Faedah Kematian. Dikurniakan kepada tanggungan anggota tentera yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan.
- (iii) Faedah Hilang Upaya. Dikurniakan kepada anggota yang tamat perkhidmatan dan hilang upaya akibat tugas sahaja.

Formula bagi pengiraan adalah seperti berikut:

Pegawai Tetap:

Penceh Perkhidmatan -  $1/600 \times$  Jumlah Perkhidmatan  $\times$  Gaji Asas Akhir.

**Gratuiti Perkhidmatan** -  $7.5\% \times \text{Jumlah Bulan Perkhidmatan} \times \text{Gaji Asas Akhir}$ .

**Faedah Kematian** -  $1/600 \times \text{Bulan Perkhidmatan} \times \text{Gaji Asas Akhir}$ .

**Faedah Hilang Upaya** - Tambahan pencen 21% ke atas dan 20% ke bawah dari kadar yang asas.

**Pegawai Tauliah Jangka Pendek:**

**Pencen Perkhidmatan** -  $3/4 \times 1/600 \times \text{Jumlah Perkhidmatan} \times \text{Gaji Asas Akhir}$ .

**Gratuiti Perkhidmatan** -  $3/4 \times 7.5\% \times \text{Jumlah Bulan Perkhidmatan} \times \text{Gaji Asas Akhir}$ .

**Faedah Kematian** -  $1/600 \times \text{Bulan Perkhidmatan} \times \text{Gaji Asas Akhir}$ .

**Faedah Hilang Upaya** - Tambahan pencen 21% ke atas dan 20% ke bawah dari kadar yang asas.

**Anggota Lain-Lain Pangkat:**

**Pencen Perkhidmatan** -  $1/504 \times \text{Jumlah Bulan Perkhidmatan} \times \text{Gaji Asas Akhir}$ .

**Gratuiti Perkhidmatan** -  $7.5\% \times \text{Jumlah Bulan Perkhidmatan} \times \text{Gaji Asas Akhir}$ .

**Faedah Kematian** -  $1/600 \times \text{Bulan Perkhidmatan} \times \text{Gaji Asas Akhir}$ .

**Faedah Hilang Upaya** - Tambahan pencen 21% ke atas dan 20% ke bawah dari kadar yang asas.

- 4.6.2 Bayaran Cuti Rehat. Tentera Darat menghendaki setiap orang anggota harus menghabiskan cuti rehat tahunannya mengikut kelayakan yang telah ditetapkan demi untuk menjadi dan memulihkan kesihatan fizikal dan mental anggota tersebut. Oleh kerana keperluan perkhidmatan, ada di antara anggota tersebut yang tidak dapat menghabiskan cuti tahunannya itu. Pengumpulan cuti rehat tahunan yang tidak dapat dihabiskan dalam tahun semasa adalah dibenarkan dibawa ke tahun berikutnya. Dalam perkhidmatan bayaran gantian cuti rehat yang dibenarkan hanyalah selama 90 hari sahaja.
- 4.6.3 Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Tujuan penubuhan Lembaga Tabung Angkatan Tentera adalah sama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja iaitu mewajibkan pekerja-pekerja mencarum bagi jaminan kewangan di hari tua. Dalam Angkatan Tentera hanya anggota lain-lain pangkat diwajibkan membuat caruman dalam kadar 10% dari gaji pokok. Sekiranya menerima pencen apabila tamat perkhidmatan, mereka hanya menerima jumlah wang ahli sahaja. Jika tidak berpencen mereka akan mendapat caruman ahli dan Kerajaan sebanyak 15%. Pegawai hanya layak mencarum secara sukarela dan mendapat bonus dan dividen setiap tahun. Anggota tentera juga boleh mengeluarkan caruman sebanyak 40% bagi skim pembelian rumah. Mereka juga boleh mengeluarkan caruman sebelum berumur 55 tahun.
- 4.6.4 Latihan Peralihan. Tujuan rancangan peralihan ialah memberi latihan peralihan kepada anggota Tentera Darat yang hampir menamatkan perkhidmatan mereka untuk memperolehi sesuatu kemahiran dan pengalaman bagi menyesuaikan mereka dengan corak kehidupan baru selepas tamat perkhidmatan dalam Angkatan Tentera.

Pegawai yang berkhidmat lebih dari 9 tahun layak mendapat 3 bulan latihan peralihan di tempat-tempat yang terpilih. Bagi lain-lain pangkat pula anggota perlu berkhidmat sekurang-kurangnya 9 tahun untuk layak menjalani latihan peralihan selama 6 bulan. Tempoh ini boleh dilanjutkan sehingga 18 bulan tertakluk kepada kelulusan Ketua Perkhidmatan.

4.7 **Berkaitan Insuran**. Faedah berkaitan insuran ialah faedah-faedah atau penganjaran bagi anggota atas sebab-sebab kemalangan yang menimpa anggota-anggota semasa menjalani latihan atau operasi. Ianya memberi bantuan kewangan kepada balu-baluan dan anak-anak anggota jika anggota meninggal dunia atau tidak berupaya untuk melaksanakan kerja untuk pencarian hidup.

4.7.1 **Insuran Kelompok**. Anggota Tentera Darat adalah dimestikan menyertai Skim Insuran Kelompok anjuran Koperasi Tentera. Bayaran premium untuk satu unit adalah sebanyak RM 4.00. Anggota Lain-lain Pangkat dimestikan menyertai sekurang-kurangnya satu unit. Mereka juga digalakkan untuk mengambil sebanyak tiga unit. Bagi pegawai kadar minimum adalah tiga unit dan maksima 10 unit. Insuran ini melindungi anggota yang meninggal dunia atau tercedera semasa operasi dan juga akibat kemalangan di luar masa operasi.

4.7.2 **Derma Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara**. Derma ini adalah untuk anggota-anggota yang meninggal dunia dan cedera semasa menjalani operasi sahaja. Jumlah pampasan adalah sebanyak RM 10,000.00 yang dibayar kepada balu atau waris terdekat.

- 4.7.3 Rawatan Perubatan. Pihak Tentera Darat juga menyediakan rawatan perubatan percuma kepada anggota dan ahli keluarganya. Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSAT) dan Hospital Angkatan Tentera (HAT) sentiasa memberi perlindungan kesihatan kepada anggota-anggota yang memerlukannya. Anggota-anggota boleh berhubung di mana-mana Rumah Sakit Angkatan Tentera untuk menerima rawatan dan memperolehi Sijil Sakit. Sijil Sakit yang dikeluarkan oleh Rumah Sakit Kerajaan adalah diiktiraf. Walaubagaimanapun Sijil Sakit yang dikeluarkan oleh Klinik swasta perlu mendapat pengesahan dari Rumah Sakit Angkatan Tentera.
- 4.7.4 Faedah Pengkebumian. Tentera Darat juga menyediakan berbagai bentuk faedah pengkebumian. Wang pengkebumian sebanyak RM 1,500.00 diberikan kepada bahu atau waris terdekat untuk hal menguruskan pengkebumian. Di samping itu juga keranda, kain kapan dan pengurusan jenazah diuruskan oleh pasukan atau pasukan yang terdekat.
- 4.8 Bayaran Masa Tidak Bekerja. Pihak Kerajaan membayar dalam bentuk gaji, elaun serta faedah yang bukan dalam bentuk wang kepada anggota yang bercuti bagi kesejahteraan anggota. Cuti umpamanya diperuntukkan untuk berbagai tujuan. Cuti tahun misalnya memberi peluang kepada anggota untuk berehat setelah melaksanakan kerja yang berat sepanjang tahun. Di samping itu juga anggota perlu berjumpa dengan sanak saudara yang ditinggalkan selama ini. Justeru itu Tentera Darat amatlah mengambil berat aspek cuti. Anggota-anggota yang berkursus atau melanjutkan pelajaran yang melebihi 6 bulan adalah dimasukkan dalam Senarai Latihan Peralihan dan Kotigensi. Anggota yang dimasukkan dalam Senarai ini dikira tidak memberi sumbangan kepada perkhidmatan. Berbagai jenis cuti yang diperuntukkan dalam Tentera Darat. Cuti-cutি yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

4.8.1 Cuti Tahunan. Cuti tahunan adalah bertujuan untuk memberi anggota merehatkan badan setelah penat bekerja. Sepatutnya anggota perlu bercuti di tempat atau kampung halaman mereka. Ianya dapat memberi khabar gembira kepada kaum keluarga sahabat handai setelah lama menjalankan tugas di perantauan. Walaubagaimanapun di zaman yang telah berubah anggota juga mengikut peredaran zaman. Cuti tahunan dihabiskan di tempat-tempat percutian yang menjadi kegemaran sekeluarga. Cuti ini boleh diambil sekali-gus atau boleh diambil secara berperingkat-peringkat. Ianya adalah bergantung kepada pegawai yang menyokong dan yang meluluskannya. Baki cuti yang tidak dapat dihabiskan oleh sebab-sebab kepentingan perkhidmatan boleh dibawa ke tahun berikutnya atau tahun kedua tapi tidak pada tahun ketiga. Cuti yang tidak dapat dihabiskan boleh menerima imbuhan apabila tamat perkhidmatan selepas disahkan oleh pegawai atasan beliau. Jumlah tuntutan tidak melebihi 90 hari. Jumlah cuti mengikut pangkat adalah seperti di Rajah 9.

Rajah 9

Cuti Tahunan

Pangkat	Bilangan Hari Cuti Setahun
Peringkat Bawah dan Sabaltan	30 hari
Kapten	36 hari
Mejar ke atas	42 hari

4.8.2 Cuti Tamat Tauliah/Rekrut. Cuti ini diberikan kepada pegawai dan anggota yang baru tamat menjalani latihan asas ketenteraan iaitu bagi Pegawai Kadet dan Rekrut. Jumlah cuti adalah selama 14 hari. Cuti ini

tidak dikira sebagai cuti tahunan. Ini bermakna pegawai dan anggota lain-lain pangkat masih layak mendapat cuti tahunan pada tahun berkenaan.

- 4.8.3 Cuti Tamat Perkhidmatan. Anggota lain-lain pangkat sahaja berhak untuk mendapat cuti selama 28 hari sebelum bersara atau menamatkan dari perkhidmatan. Mereka juga diberi keistimewaan sekali perjalanan atas tanggungan Kerajaan termasuk isteri dan anak yang tidak melebihi tiga orang ke mana-mana tempat dan destinasi yang dipilih dalam Malaysia. Anggota lain-lain pangkat yang sedang menjalani kursus peralihan biasanya telah menerima kesemua cuti sebelum mereka diberhentikan kerana bersara atau tamat perkhidmatan dari Angkatan Tentera.
- 4.8.4 Cuti Bertugas Luar Negara. Jika pegawai dan anggota hadir dan kembali dari melaksanakan tugas dari seberang laut samada menghadiri kursus atau melaksanakan operasi dan tugas yang lain. Cuti ini diberi pada sebelum dan selepas pegawai dan anggota melaksanakan tugas. Jumlah cuti yang dibenarkan seperti berikut di Rajah 10.

Rajah 10

Cuti Bertugas Luar Negara

Jangkamasa Bertugas	Bilangan Hari Cuti
Lebih dari 6 bulan	14 hari
Kurang dari 6 bulan	7 hari

- 4.8.5 Cuti Sambung Perkhidmatan. Bagi angota lain-lain pangkat cuti sambung perkhidmatan adalah diberi tatkala ianya telah diluluskan. Pemberian cuti

adalah selama 28 hari. Cuti tersebut perlu diambil pada tahun di mana permohonan menyambung perkhidmatan diluluskan.

- 4.8.6 Cuti Sakit. Cuti sakit boleh diberikan kepada pegawai dan anggota lain-lain pangkat atas kebenaran seorang Pegawai Perubatan, tetapi tidak boleh melebihi 14 hari kecuali setelah mendapat kebenaran Lembaga Perubatan. Bila seorang pegawai atau lain-lain pangkat itu sakit dan perlu digerakkan dari satu tempat ke satu tempat yang lain, segala perbelanjaan perjalanan pergi dan balik untuk satu perjalanan akan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan. Ini termasuklah isteri dan anak yang tidak melebihi tiga orang yang mengiringinya.
- 4.8.7 Cuti Mengerjakan Haji. Seorang pegawai atau lain-lain pangkat yang beragama Islam, boleh sekali didalam perkhidmatanya diberi cuti oleh Kementerian Pertahanan, untuk mengerjakan haji di Mekah. Cuti tersebut boleh diberi pada masa tidak melebihi enam bulan atau pada masa untuk melengkapkan kerja haji, terpulang yang mana satu lebih sedikit. Pegawai atau lain-lain pangkat yang hendak mengambil cuti ini hendaklah telah berkhidmat tidak kurang dari 15 tahun.
- 4.8.8 Cuti Kebajikan Cuti ini boleh diberikan kepada anggota tentera tidak melebihi 28 hari. Cuti ini boleh diberikan oleh Pegawai Memerintah. Apabila cuti ini hendak melebihi 28 hari ianya hendaklah mendapat kebenaran dari Kementerian Pertahanan. Anggota-anggota yang dibenarkan mengambil cuti ini adalah seperti berikut:
- Kematian, mungkin berlaku kematian atau sakit tenat ke atas isteri, anak, ibu-bapa atau keluarga terdekat.

- Perkara-perkara yang dianggap mustahak dan penting dan perlu bagi seseorang itu hadir untuk mengelakkan kesusahan atas diri mereka.

4.8.9 Cuti Am. Angkatan Tentera juga terlibat dengan Cuti Am yang diistiharkan oleh Kerajaan. Anggota-anggota yang tidak menjalankan tugas boleh bercuti.

4.8.10 Cuti Hujung Minggu. Cuti hujung minggu adalah atas budi bicara Pegawai Memerintah pasukan kerana perlaksanaan sesuatu tugas lebih masa atau sebab-sebab kepentingan kebajikan anggota.

4.8.11 Cuti Bersalin. Pegawai-pejawai dan lain-lain pangkat wanita adalah layak menerima cuti bersalin sebagai cuti tambahan kepada cuti sakit. Cuti bersalin yang dibenarkan ialah tidak melebihi dari 42 hari. Cuti bersalin diberi setakat 5 kali sahaja dalam tempoh perkhidmatan.

4.8.12 Cuti Isteri Bersalin. Cuti isteri bersalin diberi kepada anggota kerana menguruskan isteri-isteri mereka yang bersalin. Cuti ialah selama 3 hari tanpa rekod. Walaupun cuti tahun anggota berkenaan masih ada anggota masih layak mendapat cuti tersebut.

4.8.13 Cuti Tanpa Gaji. Pegawai dan anggota lain-lain pangkat yang mengikuti pasangan mereka bertugas atau berkursus di luar negeri boleh memohon cuti tanpa gaji. Tempoh pasangan berkhidmat atau berkursus di luar negeri adalah melebihi 6 bulan. Tempoh cuti tanpa gaji seseorang pemohon tidak melebihi 3 tahun.

4.9 Lain-lain Faedah. Lain-lain faedah bukan dalam bentuk wang yang terdapat dalam Tentera Darat adalah seperti berikut:

4.9.1 Penginapan. Penginapan adalah satu kemudahan yang mustahak bagi anggota tentera dan keluarganya. Kemudahan penginapan yang mencukupi dan selesa akan meningkatkan moral anggota untuk melaksanakan tugas dengan sempurna. Bayangkan jika anggota tentera yang berkahwin terpaksa menyewa rumah setinggan di kawasan Kuala Lumpur dan beliau sedang berkhidmat di perbatasan atau luar negara. Malang tidak berbau jika rumah beliau dilanda banjir dan tiada siapa yang dapat menolong pada ketika itu sudah tentu beliau yang sedang berhadapan dengan musuh tidak dapat untuk menumpukan perhatian beliau kepada tugasnya. Oleh yang demikian maka perumahan amatlah dititik beratkan di dalam Tentera Darat. Sejak dari penubuhan Tentera Darat Malaysia atau Malaya ketika itu, Tentera British telah membina berek dan rumah keluarga di merata kem tentera di negara ini. Aspek yang diambil kira dalam pembinaan kemudahan penginapan ialah ianya berdekatan dengan kem. Ini adalah kerana ianya amat mudah untuk anggota berkenaan dihubungi dalam masa kecemasan. Rumah-rumah keluarga yang dibina adalah berdekatan antara satu sama lain. Di samping aspek ekonomi, aspek kemasyarakatan iaitu perhubungan antara keluarga tentera di titik beratkan. Semangat tolong menolong jika jiran menghadapi masalah semasa ketiadaan suaminya amatlah mustahak sekali.

Jika rumah keluarga tidak mencukupi anggota-anggota dibenarkan menyewa rumah awam. Imbuhan perumahan akan dibayar kepada anggota tersebut mengikut kadar masing-masing. Kawasan rumah yang

disewa tidaklah terlalu jauh dari pasukan di mana anggota bekerja. Di samping itu juga rumah yang disewa tersebut perlulah mengikut taraf anggota berkenaan. Bagi pegawai dan anggota bujang mereka disediakan Wisma dan juga berek. Kategori rumah keluarga yang diperuntukkan adalah seperti di Rajah 11.

Rajah 11

Kategori Rumah Keluarga

Jenis Kelas Rumah	Pangkat
Kelas A	Mejar Jeneral ke atas
Kelas B	Brigedier Jeneral
Kelas C (Bunglow)	Lt Kol/Mejar
Kelas D (Ubahsuai/Flat)	Kapten/Lt/Lt Muda
Kelas E	Pegawai Waren 1 dan 2
Kelas F	SSjn dan Sjn
Kelas G	Kpl ke bawah
Kelas H	Awam

Sumber: Jadual Berek Angkatan Tentera, Tahun 1980.

**4.9.2 Makanan.** Makanan adalah mustahak bagi kita manusia. Apatah lagi makanan yang kita ambil perlulah seimbang bagi menghindarkan dari sebarang penyakit. Sebenarnya kita masih jahil berhubung tentang makanan yang kita perlu ambil. Umpamanya berhubung masalah kalorie makanan itu sendiri. Angkatan Tentera sebagai mengambil kata-kata Napoleon Bonaparte iaitu "The Army Move on his Stomach". Kata-kata ini amatiah bermakna sekali kepada Tentera Darat. Makanan yang berkualiti

dapat menghasilkan badan yang sihat. Tentera Darat yang memerlukan anggota yang mempunyai tubuh badan yang sihat untuk memikul kerja yang mencabar. Justeru itu Tentera Darat mempunyai sistem yang mantap dalam menentukan bahan makanan yang seimbang lagi berkualiti kepada anggota-anggotanya. Tentera Darat menyediakan makanan kepada anggotanya semasa aman dan perang.

Konsep menyediaan makanan adalah untuk minum pagi, makan tengahari, minum petang dan makan malam. Dalam masa aman makanan adalah dimasak di Rumah Masak Pasukan oleh tukang masak yang terlatih. Di masa perang ianya dimasak di tempat yang disediakan di medan perang. Anggota diberi makanan percuma untuk tugas-tugas tertentu seperti latihan, operasi dan kursus. Selain dari masa-masa tersebut anggota-anggota yang menginap di wisma dan berek dikehendaki membayar bagi sajian yang dibekalkan kepada mereka setiap hari. Bagi setiap hari rangsum dibekalkan mereka perlu membayar kira-kira RM 1.95 dan dipotong dari gaji mereka sebulan RM 58.50. Apa yang mustahak ialah makanan sentiasa ada sepanjang hari. Jika makanan tidak disediakan, anggota terpaksa makan di kedai makan di tempat awam. Dari segi kosnya tentulah melebihi dari apa yang disediakan oleh kerajaan. Dari aspek yang lain seperti kualiti makanan, tentunya dipertikaikan. Dalam zaman inflasi ianya lebih memburukkan keadaan. Tidak semua anggota mempunyai tabiat yang baik dari segi pengurusan wang. Ada anggota yang telah kehabisan wang gaji sebelum pertengahan bulan. Kalau begitulah keadaannya bagaimana beliau boleh menyara hidupnya.

- 4.9.3 Pakaian. Tentera Darat terkenal dengan berbagai jenis pakaian perkhidmatan. Berbagai jenis pakaian adalah untuk berbagai tujuan atau

tugas. Pakaian perlulah seragam dari aspek kualiti dan material. Penyediaan pakaian adalah dibuat secara kontrak pusat yang diuruskan oleh Kor Ordnans. Penentuan rupa bentuk dan kualiti ditentukan oleh pengurusan tertinggi Tentera Darat. Peruntukan pakaian bagi anggota lain-lain pangkat adalah secara percuma. Maksud pakaian dalam Angkatan Tentera meliputi barang-barang seperti baju, seluar, seluar dalam, tali pinggang, beret/songkok/topi, sarung tangan dan kasut. Sukatan pakaian adalah seperti di dalam Skala Pakaian Angkatan Tentera. Anggota juga berpeluang menggantikan pakaian yang rosak secara percuma. Bagi pegawai pula Imbuhan Pakaian diberikan tatkala ditauliahkan dan seterusnya setiap tahun. Bagi pakaian istiadat Imbuhan Pakaian adalah 3 tahun sekali. Jenis-jenis pakaian dalam Tentera Darat adalah seperti di Rajah 12.

Rajah 12

Jenis-Jenis Pakaian

Kategori Pakaian	Kegunaan
Pakaian No 1	Istiadat
Pakaian No 2 (Bush Jacket)	Upacara Rasmi
Pakaian No 3	Pakaian Kerja
Pakaian No 4	Pakaian Latihan/Kawad
Pakaian No 5 (Celoreng)	Operasi
Pakaian No 6 (Mes Kit)	Jamuan Istiadat
Pakaian No 7 (Pakaian Kebangsaan)	Majlis Keugamaan
Pakaian No 8 (Pakaian Khidmat)	Upacara Rasmi
Pakaian No 9 - Simpanan	Simpanan
Pakaian No 10 - Pakaian Senaman	Pakaian Senaman

Sumber: Sukatan Pakaian Angkatan Tentera, 1981.

**4.9.4 Perjalanan Percuma dan Konsesi.** Waren perjalanan sememangnya diperuntukan bagi tujuan pergerakan anggota tentera dalam Malaysia dan Singapura samaada menggunakan bas, kereatapi, bot dan kapal terbang. Pengunaan waren perjalanan untuk bercuti adalah perjalanan pergi dan balik sekali setahun. Pengunaan waren secara percuma ini bagi tujuan bercuti adalah meliputi anggota keluarga anggota tentera tersebut. Pengunaan waren amat besesuaian jika dibandingkan dengan bentuk wang tunai. Ini akan mengelakkan wang tersebut di salahguna. Disamping itu juga ia dapat memberi pendapatan yang tetap kepada pihak Keratapi, Kapal Terbang, bas dan perkhidmatan bot. Waren ini tidak boleh di tukarkan dengan bentuk wang tunai. Disamping itu juga terdapat kemudahan konsesi penerbangan sebanyak 15% dan tambang keretapi 25% bagi perjalanan biasa ke destinasi tertentu.

Statistik peruntukan dan perbelanjaan waren perjalanan bagi tahun 1995 hingga Apr 1997 seperti di Jadual 6.

**4.9.5 Skim Pengajian Tinggi.** Tentera Darat sentiasa menggalakkan anggota untuk menambah ilmu pengetahuan. Justeru itu peluang dibuka kepada semua peringkat anggota pada tiap-tiap tahun bagi mengikuti skim pengajian tinggi di pusat pengajian tinggi tempatan dan juga luar negeri. Peluang tersebut bukan sahaja bagi ijazah pertama malah di peringkat sarjana. Skim ini bukan sahaja memberi kebaikan kepada Tentera Darat malah kepada anggota itu sendiri dalam usaha menambah kelayakan yang ada. Walaupun jumlah peruntukan adalah terhad ini tidak bermakna anggota yang tidak berkelayakan akan terpinggir begitu sahaja. Markas-markas formasi ada menganjurkan kursus intensif kepada anggota bagi membolehkan mereka menduduki peperiksaan SPM. Kursus ini adalah

dijalankan sepenuh masa di bawah kelolaan guru-guru yang terlatih dalam angkatan tentera.

Jadual 6

Peruntukan dan Perbelanjaan Waren bagi Tahun 1995, 1996 dan 1997

Tahun	Aktiviti	Peruntukan	Belanja	Baki
1995	Keretapi	100,000	56,876.40	24,534.80
	Bas	80,000	35,761.45	43,787.55
	Kapal Terbang	110,000	95,947.00	14,053.00
	Feri/Bot	10,000	447.80	9,445.20
1996	Keretapi	70,000	69,227.40	772.60
	Bas	42,000	40,837.23	1,162.77
	Kapal Terbang	240,000	223,734.44	1,005.56
	Feri/Bot	3,000	36.84	2,963.20
1997*	Keretapi	70,000	8,097.70	61,902.30
	Bas	60,000	4,162.80	55,837.20
	Kapal Terbang	265,000	64,259.90	200,740.10
	Feri/Bot	5,000	-	5,000

\* Sehingga bulan Apr 1997.

Sumber: Markas Pemerintahan Lojistik, Markas Tentera Darat, Kuala Lumpur

**4.9.6 Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer.** Seperti kakitangan dari jabatan awam yang lain, anggota tentera juga layak mendapat kemudahan pinjaman perumahan, kereta dan komputer. Kadar pinjaman adalah mengikut tingkatan gaji anggota berkenaan. Kadar faedah untuk semua pinjaman tersebut adalah sebanyak 6 % setahun.

**4.9.7 Pinjaman Koperasi Tentera.** Peranan koperasi tersebut adalah bagi memberi kemudahan pinjaman wang kepada ahli-ahlinya. Koperasi tentera sejak ditubuhkan telah banyak sekali membantu ahli-ahlinya bukan sahaja dalam bentuk pinjaman wang malah dalam aspek yang lain seperti biasiswa kepada anak-anak anggota yang melanjutkan pelajaran keperingkat universiti dan sumbangan kepada anak-anak anggota yang cemerlang dalam peperiksaan. Disamping itu juga kebajikan anggota yang kurang bernasib baik juga tidak dilupakan seperti memberi bantuan kerusi roda kepada anggota yang lumpuh akibat kemalangan dan operasi. Pinjaman dalam kadar bunga yang rendah sememangnya menarik minat semua anggota.

**4.9.8 Kemudahan Wisma dan Kelab.** Wisma menjadi rumah kedua bagi pegawai dan Pegawai Tanpa Tauliah Kanan (PTTK) dalam satu pasukan tersebut. Wisma adalah tempat yang memberi banyak kebaikan kepada ahli-ahlinya. Tiap-tiap wisma iaitu Wisma Perwira bagi pegawai dan Wisma Bintara mempunyai undang-undang yang tersendiri. Penubuhan Wisma ini ada termaktub dalam Queen Regulation yang masih diterima pada masa sekarang. Kemudahan yang terdapat dalam wisma ini adalah seperti berikut :

- Dewan Makan
- Rumah Masak
- Ruang Mesra
- Bilik Bacaan
- Gimnisiun
- Bilik Televisyen
- Bilik Permainan

- Karaoke
- Bilik Kediaman

4.9.9 Kereta Turus. Pihak Pengurusan Atasan sememangnya mempunyai berbagai keistimewaan tertentu umpamanya kereta turus. Dalam Angkatan Tentera pemberian kereta turus adalah kepada pegawai yang berpangkat Lt Kol ke atas sahaja. Walaubagaimanapun penggunaan kereta turus bagi pegawai yang berpangkat Brig Jen ke atas adalah meliputi hal-hal persendirian. Mereka juga berpeluang untuk membeli kendaraan yang sama modelnya dengan harga yang murah bila bersara dari perkhidmatan.

4.9.10 Pembantu Khas. Pengurusan atasan yang berpangkat Mej Jen ke atas juga mempunyai pembantu khas yang berpangkat Kapten. Tugas-tugas adalah meliputi tugas rasmi dan separuh rasmi. Selalunya pemilihan terhadap pembantu khas dijalankan untuk mengenalpasti pegawai yang layak untuk menjawat jawatan tersebut. Pegawai yang mempunyai daya perhubungan yang baik dan juga kemas berpakaian dipilih untuk jawatan tersebut.

4.9.11 Perkhidmatan Dobi/Jahitan/Kasut. Tentera Darat sememangnya amat peka kepada mutu pakaian anggota. Anggota perlu kelihatan kemas berpakaian yang menggambarkan taraf disiplin yang tinggi. Justeru itu perkhidmatan Dobi dan Jahitan secara kontrak diadakan di kem-kem Tentera Darat. Anggota tentera boleh mendapatkan perkhidmatan tersebut secara percuma. Perkhidmatan pumbaikan kasut kawad diberikan kontrak kepada Pihak Penjara Malaysia. Statistik perbelanjaan peruntukan untuk ketiga-tiga perkhidmatan bagi tahun 1995, 1996 dan Apr 1997 seperti di Jadual 7.

Jadual 7

Peruntukan dan Perbelanjaan Dobi/Jahitan/Kasut Bagi Tahun 1995 - 1997

JAHITAN			
Tahun	Peruntukan	Belanja	Baki
1997	3,000,000.00	547,519.50	2,452,480.50 (Apr)
1996	2,250,000.00	2,168,333.48	81,666.52
1995	2,250,000.00	1,944,491.59	305,508.41
DOBI			
1997	3,300,000.00	402,606.15	2,897,393.85 (Apr)
1996	2,640,000.00	1,695,962.39	944,037.61
1995	2,640,000.00	1,618,058.21	1,021,941.79
KASUT			
1997	700,000.00	61,075.80	638,924.20 (Apr)
1996	610,000.00	185,258.00	424,742.00
1995	610,000.00	304,540.00	305,460.00

Sumber: Markas Pemerintahan Logistik, Mk Tentera Darat, Kuala Lumpur

**4.9.12 Kelab Rekreasi.** Pegawai-pegawai Tentera adalah digalakkan berinteraksi dengan pihak-pihak luar iaitu pegawai-pegawai dari sektor swasta dan agensi kerajaan yang lain. Ia adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi komunikasi pegawai-pegawai dalam usaha untuk melaksanakan tugas harian. Justeru kerajaan telah memperuntukan peruntukan untuk membiayai pegawai-pegawai menjadi ahli kelab-kelab rekreasi yang terpilih. Peruntukan adalah sebanyak RM3,000.00.

4.9.13 Bas Sekolah. Tentera Darat juga memperuntukan perkhidmatan bas sekolah untuk anak-anak anggota tentera. Kadar bayaran tambang bulanan adalah jauh lebih murah dari perkhidmatan bas sekolah awam.

4.9.14 Gunting Rambut. Keperluan gunting rambut adalah mustahak dalam Tentera Darat. Dalam sebulan tidak kurang dua kali anggota perlu bergunting rambut. Ia sudah tentu melibatkan kos yang tinggi bagi anggota. Menyedari hakikat ini Tentera Darat telah mengadakan khidmat kontrak gunting rambut. Anggota boleh bergunting dengan bayaran hanya RM 3.00 sebulan.

4.9.15 TADIKA. Pasukan-pasukan juga ada menubuhkan Taman Didikan Kanak-Kanak di dalam Kem Tentera. Tenaga pengajar adalah didapati dari pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Anggota-anggota yang menghantar anak-anak mereka dikenakan bayaran yang jauh lebih murah dari TADIKA awam.

4.9.16 Kantin Kemudahan kantin juga disediakan di tiap-tiap unit Tentera Darat. Pasukan dapat menjimatkan masa anggota dari membuang masa di kedai-kedai di tempat awam. Di samping itu anggota dapat menikmati makanan yang agak murah jika dibandingkan dengan kedai makan di tempat awam yang lain. Ini adalah kerana harga jualan adalah ditentukan dalam perjanjian kontrak antara kontraktor kantin dan pasukan.

4.9.17 Kemudahan PERNAMA. Semua anggota tentera mempunyai kemudahan membeli barang-barang keperluan rumah di kedai PERNAMA. Barang-barang yang dijual dari kedai PERNAMA adalah setengahnya dikecualikan cukai. Barang-barang tersebut ialah barang-barang elektrik dan bir. Anggota

juga berpeluang untuk membeli barang-barang elektrik secara kredit. Pembayaran adalah melalui potongan dari gaji.

4.9.18 Penganugerahan Pingat. Jasa anggota tentera dalam mempertahankan negara perlu dikenang sampai bila-bila. Justeru itu dalam usaha untuk mengenangkan jasa mereka, Kerajaan telah mengadakan penganugerahan Darjah Kebesaran dan Pingat Peringkat Persekutuan dan Negeri-negeri. Pingat juga diberikan oleh perkhidmatan Angkatan Tentera. Peraturan dalam penganugerahan pingat seperti tercatat dalam Buku Panduan Anugerah-anugerah Persekutuan, Negeri dan Angkatan Tentera.

4.9.19 Penganugerahan Sijil Khidmat. Pegawai dan Anggota Tentera Darat juga dianugerahkan Sijil Khidmat Cemerlang Panglima-panglima Tentera Darat di atas kecemerlangan menjalankan tugas. Walaupun Sijil Khidmat ini tidak mendapat ganjaran berbentuk wang tetapi seseorang itu harus bangga dengan pengiktirafan yang diberikan.

4.9.20 Menyandang Jawatan yang Mustahak. Selalunya tidak semua pegawai dan anggota yang berpeluang untuk menjawat jawatan yang mustahak atau kritikal seperti di Kementerian Pertahanan, Markas Formasi, Pusat Latihan dan Pasukan-pasukan tertentu. Ianya adalah bergantung kepada kecemerlangan individu dalam kursus dan juga kebolehan berdasarkan pengalaman yang lalu. Jawatan yang mustahak adalah berhubung kait dengan kuasa yang diberi. Selalunya pegawai dan anggota yang diberikan jawatan yang mustahak sememangnya berpeluang untuk dinaikkan ke pangkat yang lebih tinggi lagi.

**4.9.21 Pemakaian Lencana.** Pemakaian Lencana dalam Tentera Darat juga mustahak dalam mengiktirafan kepakaran dan kebolehan seseorang individu tersebut. Sesiapa yang mempunyai kepakaran dan kebolehan tertentu dibenarkan memakainya. Umpamanaya "Sayap" melambangkan seseorang itu berkebolehan untuk membuat penerjunan dari udara. Ianya juga melambangkan kelebihan seseorang itu dari anggota yang lain. Terdapat juga lencana bagi melambangkan identiti Kor atau pasukan di mana anggota berada. Ia dapat memberikan moral yang tinggi serta motivasi yang lebih kepada anggota untuk melaksanakan tugas. Ini berdasarkan kepada kecemerlangan pasukan tersebut dan mendapat kepujian dari banyak pihak.

**4.9.22 Suasana tempat kerja yang selesa.** Tentera Darat telah membelanjakan berjuta-juta ringgit setiap tahun bagi tujuan penyelenggaran kem-kem tentera. Perbelanjaan juga diberikan untuk memperindahkkan kawasan kem dengan penanaman pokok-pokok bunga. Justeru itu adalah terpulang kepada pasukan untuk menguruskan wang tersebut dengan lebih efektif bagi memenuhi objektif tersebut.

**4.9.23 Aktiviti Agama.** Setiap anggota yang berugama Islam yang berkhidmat di dalam Tentera Darat hendaklah melaksanakan tuntutan Fardu Ain dan Fardu Kifayah dengan sempurna. Latihan adalah merupakan asas kepada pembinaan jiwa, oleh itu semua anggota Islam diwajibkan mengamalkannya dengan bimbingan dari anggota-anggota Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT). Kandungan latihan adalah seperti berikut:

- Bacaan Al-Ma'thurat.
- Qiamullail.

- Halaqat zikir (majlis zikir).
- Tilawah Al-Quran.
- Solat-solat fardhu/sunat berjemaah.

**4.9.24 BAKAT.** Badan Kebajikan dan Amal Isteri Anggota Tentera (BAKAT) telah wujud di zaman pemerintahan British lagi. Ahli-ahlinya terdiri dari isteri-isteri anggota-anggota tentera. Objektif penubuhan BAKAT adalah seperti berikut:

- Memberi khidmat kebajikan kepada keluarga anggota tentera.
- Memperkuuhkan dan menyatukan ahli-ahli melalui aktiviti-aktiviti berfaedah.
- Meninggi dan menambah pengetahuan dalam pekara seperti hal ehwal urusan rumah tangga, pengetahuan am dan lain-lain kebajikan.
- Menggalakkan dan meningkatkan semangat kesukaran di kalangan ahli-ahlinya melalui aktiviti-aktiviti sukan.
- Mengambil bahagian dalam aktiviti kebajikan dan sosial.

**4.9.25 Sukan.** Tentera Darat sememangnya menggalakkan anggota-anggotanya melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti sukan samada di peringkat pasukan, negeri dan negara. Sejarah juga membuktikan Angkatan Tentera Malaysia amnya dan Tentera Darat khasnya telah banyak melahirkan jaguh-jaguh sukan di Malaysia. Kepentingan sukan dalam Tentera Darat dapat dilihat dari aktiviti sukan di

peringkat pasukan, formasi dan pertandingan antara tiga perkhidmatan iaitu TDM, TLDM dan TUDM. Melalui aktiviti sukan pegawai dan anggota sentiasa dapat mengekalkan tahap kecergasan yang tinggi di samping pembentukan semangat setiakawan yang kental. Kesungguhan Tentera Darat dalam mengalakkan semua peringkat terlibat dengan berbagai jenis sukan dapat dilihat dari penyediaan kemudahan dan peralatan sukan. Peruntukan kewangan untuk pembelian alat-alat sukan di pasukan-pasukan sememangnya diberi pada tiap-tiap tahun. Justeru itu terpulanglah kepada pasukan untuk merencanakan aktiviti sukan dalam memenuhi matlamat yang diharapkan oleh Tentera Darat.